

MINIT MESYUARAT
JAWATAN KUASA KERJA ASET LESTARI (JKKAL) BIL 2/2018

Tarikh : **28 November 2018 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Giat Bestari**
Aras 2, Blok C (Lama)
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, CPAB
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

KEHADIRAN

1. Ir. Hj. Mohd Ilhami Bin Idrus - Pengerusi
Jurutera Awam Penguin Kanan
BPPA, CPAB
2. Pn. Fadzilah Binti Sulaiman
Jurutera Awam Penguin
UPPF, BPPA, CPAB
3. Sr. Madiah Binti Embong
Juru Ukur Bahan Kanan
UPPF, BPPA, CPAB
4. En. Ahmad Fikri Bin Mohdamed Omar
Jurutera Mekanikal Kanan
UPKT, BPPA, CPAB
5. Pn. Shuhaila Binti Sulaiman
Arkitek
Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga
6. Pn. Junaidah Binti Rosli
Arkitek
UPAM, BPPA, CPAB
7. Pn. Nor Islahiah Binti Hashim
Juru Ukur Bangunan
UPAM, BPPA, CPAB
8. Ir. Kanita Foo Chai
Jurutera Awam
UPKT, BPPA, CPAB

9. En. Noor Hashim Bin Mohamad
Jurutera Elektrik
UPAK, BPPA, CPAB
10. Pn. Zalinah Binti Abu Seman
Penolong Pegawai Senibina
UPAM, BPPA, CPAB - Pencatit minit

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 Tuan Penggerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat JKK Aset Lestari Bil. 2/2018.
- 1.2 Tuan Penggerusi memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi mendapatkan ketetapan terhadap aktiviti-aktiviti JKKPAL selari dengan Polisi Pembangunan Lestari JKR dan Polisi Pengurusan Aset Lestari yang telah dibangunkan bagi tahun 2016-2020.

Tindakan : Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit mesyuarat disahkan tanpa sebarang pindaan

Tindakan : Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Garis Panduan Penilaian Prestasi Dan Penarafan Bangunan

Wakil UPAM menyatakan projek perintis 2018 dan laporan penilaian prestasi & penarafan bagi 14 blok untuk 3 parameter telah siap dilaksanakan sepenuhnya berbanding sasaran tahunan sebenar hanya 8 blok.

Wakil UPAM memaklumkan pelaksanaan projek perintis bagi 5 parameter akan dilaksanakan pada tahun 2019. Bagi parameter yang ke 4 iaitu Kelestarian tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekurangan data yang diperlukan dan kurang kemahiran dalam mencerap data.

Tindakan : Makluman

Tuan Pengerusi mencadangkan wakil UPAM agar menyediakan kertas kerja bagi keperluan perkhidmatan penyenggaraan dan kalibrasi untuk peralatan sedia ada.

Tindakan : BPPA, CPAB

3.2 Aplikasi Sistem mySPATA

Wakil UPAM memaklumkan Notis penamatan kerja kontraktor telah dikeluarkan kepada Kontraktor pada 26 Julai 2018 disebabkan kegagalan kontraktor. Oleh itu, pembangunan aplikasi dijangka bermula April 2019 sehingga Disember 2019 dan tempoh penyenggaraan selama 1 tahun bermula selepas siap.

Tindakan : Makluman

3.3 Audit & Naziran TPATA

Wakil UPAK memaklumkan pemantauan tidak dapat dilaksanakan bagi Pematuhan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih disebabkan kesan penggabungan kementerian atas Arahan Kerajaan.

Wakil UPAK memaklumkan terdapat perancangan bajet tahun hadapan bagi menjana semula pendaftaran aset (mySPATA 1) di dalam sistem untuk mendapatkan nombor DPA yang baru disebabkan penggabungan kementerian.

Tindakan : Makluman

Tuan Pengerusi mencadangkan agar wakil Audit & Naziran TPATA memberikan notis awal kepada agensi atau kementerian yang dipilih untuk memudahkan proses audit yang akan diadakan.

Tindakan : BPPA, CPAB

3.4 Portal JPAK

Wakil UPAK mencadangkan pelantikan tiga orang wakil setiap unit di dalam BPPA untuk memuatnaik dokumen berkaitan aset lestari ke dalam sistem.

Tindakan : BPPA, CPAB

3.5 Standard Form Of Contract For Facilities Management & Maintenance - PWD FMM 2016

Wakil UPPF memaklumkan Panduan Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi Facility Custodial Services telah siap sebagai panduan.

Tindakan : Makluman

3.6 Dokumen Spesifikasi Teknikal Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan Bangunan

Wakil UPPF memaklumkan dokumen ini telah mendapat kelulusan dengan bersyarat dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) bertarikh 23 Mei 2018.

Tindakan : Makluman

3.7 Latihan Dan Kompetensi

Tuan Pengerusi menerangkan bahawa kepentingan keperluan latihan dan kompetensi di dalam merealisasikan pembangunan aset lestari.

Wakil UPKT memaklumkan pembangunan aplikasi sistem mySPATA terhenti kerana kegagalan kontraktor menyiapkan aplikasi tersebut menyebabkan kursus berkaitan penggunaan aplikasi tidak dapat diteruskan.

Tindakan : Makluman

Wakil UPPF mencadangkan Tema 4: Memacu Kelestarian di bawah Kerangka Strategik JKR 2016-2020 daripada Polisi Pembangunan Lestari JKR Malaysia dimasukkan di dalam bisnes pelan BPPA . Tuan Pengerusi menyatakan ianya melibatkan persetujuan Pengarah BPPA .

Tindakan : BPPA, CPAB

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Tuan Pengerusi memohon jasa baik semua ahli mesyuarat untuk melaporkan status terkini dari semasa ke semasa.

Urusetia JKKAL memaklumkan akan melampirkan pelan tindakan terkini bersama dengan minit mesyuarat.

Tindakan : Makluman

5.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari.

Disediakan Oleh :

Urus Setia JKKAL
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
10 Disember 2018